

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/05/2008

## Pemimpin BN minta Dr. M timbang semula

SAYA berharap Dr. Mahathir Mohamad menimbang-kan semula keputusannya memandangkan BN sedang berdepan pelbagai cabaran.

Keputusannya dilihat tidak membantu UMNO dan BN dalam menghadapi cabaran itu.

Saya sedih dengan tindakan mengejut Dr. Mahathir. Kita tidak mahu timbul lagi masalah.

Negara memerlukan kestabilan dan tidak perlukan keadaan tidak menentu. Keputusan beliau akan mencetuskan tekanan buruk kepada rakyat dan pelabur asing.

**DATUK SERI ONG KA CHUAN**  
Setiausaha Agung MCA

*um - 20/5/2008*  
SAYA menganggap tindakan Dr. Mahathir keluar UMNO sebagai agak tergesa-gesa.

Pada pendapat saya, ia tidak baik bagi BN. Sebarang rasa tidak puas hati, beliau sepatutnya diselesaikan dalam UMNO.

**DATUK CHANG KO YOUN**  
Naib Presiden Gerakan

UMNO diharap dapat mengendalikan dan menyelesaikan keadaan yang timbul daripada keputusan Dr. Mahathir.

Ini amat mengejutkan.

**DATUK ONG TEE KEAT**  
Naib Presiden MCA